

24/09/1997

## Sekitar Multimedia Asia 1997

Hizral Taziff Hisham

PERSIDANGAN dan pameran Multimedia Asia 97 (MMA 97) di Mines Beach Resort, Sungai Besi minggu lalu menampilkan pelbagai hujah, perbincangan padat dan bernas bagaimana hendak menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC) serta mengenal pasti kelemahan yang perlu diperbaiki.

MMA 97 turut menarik perhatian kira-kira 30,000 pengunjung untuk melihat dan mempelajari pelbagai teknologi terkini dalam bidang teknologi maklumat (IT), khususnya multimedia yang dipamerkan kira-kira 210 syarikat IT tempatan dan antarabangsa.

Syarikat yang dilantik kerajaan untuk membangunkan bandar raya bestari Putrajaya dan Cyberjaya, Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan Cyberview Holdings Sdn Bhd turut mempamerkan pelan dan peralatan yang akan digunakan di kedua-dua bandar raya berkenaan, termasuk kad pintar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyampaikan ucap-tama di persidangan itu, seperti biasa menarik perhatian kira-kira 600 peserta dan pengunjung dengan ucapan bernas. Dr Mahathir turut menjawab beberapa soalan daripada peserta dalam sesi sidang pleno.

MMA 97 dengan tema Menggerakkan MSC Daripada Visi Ke Realiti: Menentukan Tahap Penyelesaian Pintar, membariskan penceramah dan pembentang kertas kerja daripada pihak kerajaan dan swasta untuk membincangkan isu dan masalah mengenai pelaksanaan MSC.

Antaranya ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng; Pengerusi Eksekutif ISIS, Tan Sri Dr Nordin Soviee; Setiausaha Agung Persatuan Teleport Dunia, Yoshihiro Yokoyama dan Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Antara topik yang dibincangkan ialah kejayaan pelaksanaan MSC, Isu kritikal dan penting melaksanakan MSC, Peranan Ekonomi Digital Bagi Menjayakan Pasaran Modal dan Isu Kritikal Untuk Mewujudkan Undang-undang Struktur Maklumat dan Rangka Kerja Kejayaan Projek Multimedia.

MMA 97 yang dipancarkan secara terus menggunakan Internet ke seluruh dunia yang mana maklumat mengenainya boleh dicapai melalui [www.jaring.my/nitc/mma97](http://www.jaring.my/nitc/mma97), termasuk rumusan yang dicapai daripada perbincangan sidang pleno.

Pengunjung MMA 97, boleh merasai pengalaman melalui laluan maya MSC yang dibina apabila mereka memasuki dewan pameran.

Laluan itu menunjukkan komponen yang ada di dalam MSC seperti Putrajaya, Cyberjaya, Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang dan tujuh aplikasi perdana.

Sebanyak 3,000 tiket mengunjungi taman tema Mines Wonderland turut diberikan kepada pengunjung.

(END)